UiTM NEWS HUB
Hab Berita Rasmi UiTM

SINERGI

27/07/2026 / SUZANA ZAMBRI



SHAH ALAM, 26 Jun 2026 – Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berjaya menganjurkan program CO-NXT@FSKM 2026: 60 Years Edition yang berlangsung selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Jun lalu. Berlangsung di Dewan Al-Ghazali dan sekitar FSKM, penganjuran berskala besar ini merupakan manifestasi kepada ulang tahun ke-60 penubuhan fakulti berkenaan dengan mengangkat tema *"60 Years of Brilliance: Bridging Industry, Community and Alumni"*.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICAN), Yang Berusaha Prof. Dr. Hussain Ismail, yang hadir mewakili Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) UiTM. Dalam ucapan perasmiannya, beliau menyatakan bahawa program CO-NXT@FSKM 2026 berfungsi sebagai jambatan penting yang menghubungkan warisan sejarah institusi dengan aspirasi pasaran kerja global. Beliau turut menambah bahawa ekosistem pendidikan tinggi yang utuh memerlukan input langsung daripada dunia nyata kerana matlamat UiTM bukan sekadar melahirkan pencari kerja, tetapi melahirkan ejen perubahan yang membawa amanah ilmu untuk memimpin industri.



Program ini merupakan evolusi daripada minggu industri tradisional FSKM (*Industry Week*) yang kini dijenamakan semula sebagai CO-NXT. Akronim "CO" mewakili semangat Kolaborasi (*Collaboration*) dan Komuniti (*Community*), manakala "NXT" melambangkan "NEXT" iaitu evolusi serta lonjakan masa hadapan yang dinamik. Sepanjang tiga hari penganjurannya, CO-NXT@FSKM 2026 telah berjaya menghimpunkan penglibatan komprehensif pelbagai gergasi industri ke dalam kampus.



Antara sorotan utama program merangkumi Peluang Kerjaya Eksklusif menerusi Program Maybank M-PAWered yang melibatkan Sesi *Maybank Classroom Takeover*, sesi temuduga (*Mock Interview*), dan *Tiger's Den*, serta sesi pencarian bakat *CIMB Campus Takeover* bagi program pengambilan bakat. Turut diadakan ialah *MyFutureJobs Career Fair* hasil usaha sama bersama pihak PERKESO yang membawakan wakil daripada tujuh industri berbeza untuk menemuduga pelajar secara terus. Bagi Wacana Korporat & Keusahawanan Teknologi, perkongsian *CEO@Faculty* disajikan bersama Datuk Amir Haris Ahmad (Ketua Pegawai Eksekutif SecurePay), di samping siri taklimat teknologi bersama barisan pemimpin korporat seperti Mr. James Lim Chee Keon (Timbalan Pengarah, Big Data and AI, Strateq Group), En. Mohd Izzuddin Osman (CEO Smart Integra Sdn. Bhd. bagi Evocity), dan En. Muhd Aqmal Afiq Adnan (CEO Clazzy Sdn. Bhd. bagi Clazzy). Program turut diserikan dengan *International Alumni Series* secara atas talian yang dipengerusikan oleh pensyarah Matematik FSKM, Dr. Rinie Narinie Mohd Nasir, menerusi perkongsian alumni Sains Aktuari tahun 2019 yang kini berkhidmat sebagai ahli statistik di Bank Pusat Emiriah Arab Bersatu (UAE), Encik Mohamad Fikri Roslan, bertajuk *"Data Beyond Borders: A Malaysian Statistician in the UAE"*.

Majlis perasmian tersebut turut diserikan dengan kehadiran Datuk Amir Haris Ahmad, Encik James Lim Chee Keon, Cik Nadhirah Shaiful Bahari dari Maybank, Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Komuniti FSKM, Prof. Madya Ts. Dr. Nur Atiqah Sia Abdullah, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar FSKM, Prof. Madya Dr. Ismadi Badarudin, serta Ketua Pentadbir FSKM, YM Raja Mohamad Fikri YM Raja Azman. Penganjuran bersejarah ini membuktikan komitmen teguh UiTM dalam memastikan graduan yang dilahirkan sentiasa relevan dan melangkah sederap dengan arus revolusi digital, di mana kemeriahannya terus diraikan warga FSKM secara maya menerusi perkongsian bertanda pagar #CONXTFSKM2026.

Penulis : Dr Hezlin Aryani Abd Rahman

Penyunting : Suzana Zambri

Share Post Share

Tags: cimb, Fakulti Sains Komputer dan Matematik(FSKM), Industri dan Komuniti (ICAN), Maybank M-PAWered, PERKESO, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

‹ ICEPS Teroka Integrasi AI Bersama AWS Perkasa Platform UFUTURE

UiTM Dengkil Lonjak Minat Pelajar SMK Terhadap Kerjaya STEM ›